From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: SBM PERKASA KUALITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN MELALUI BENGKEL P&P A261
Date: Monday, 21 September, 2026 10:00:12 AM
Attachments: image001.png
image009.png

21 SEPTEMBER 2026 / 9 RABIULAKHIR 1448H
==========

Oleh: Azam Arni Mohd Noor
Gambar oleh: Wan Mohamad Kamil Wan Salim

SBM PERKASA KUALITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN MELALUI BENGKEL P&P A261



UUM ONLINE: Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan (SBM), Universiti Utara Malaysia (UUM) telah menganjurkan Bengkel Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) yang melibatkan ahli akademik SBM sebagai usaha memperkukuhkan kualiti pengajaran dan pembelajaran serta memantapkan amalan akademik.

Bengkel yang diadakan pada 8 September 2026 turut menjadi platform bagi warga akademik berkongsi pengetahuan, bertukar pandangan dan berkongsi amalan baik dalam pengajaran dan pembelajaran.

Antara agenda utama bengkel ialah Pembentangan Laporan Penambahbaikan Kualiti Berterusan (CQI) Semester A252 oleh Pengerusi Program Prasiswazah (UG) dan Pascasiswazah (PG).



Pembentangan tersebut memberi tumpuan kepada penilaian pelaksanaan penambahbaikan kualiti akademik serta perbincangan berkaitan pengajaran dan pembelajaran bagi memastikan penambahbaikan program dilaksanakan secara berterusan dan sistematik.

Timbalan Dekan (Akademik dan Antarabangsa) SBM, Prof. Madya Dr. Shamsul Huda Abd. Rani telah menzahirkan penghargaan terhadap penglibatan aktif ahli akademik SBM dalam menjayakan bengkel tersebut, khususnya melalui perkongsian amalan baik dalam pengajaran dan pembelajaran.

“Perkongsian amalan baik dalam kalangan ahli akademik amat penting bagi memperkukuhkan kualiti pengajaran dan pembelajaran.



“Saya berharap agar budaya perkongsian ilmu dan kolaborasi ini dapat diteruskan secara berterusan demi manfaat warga akademik dan pelajar,” katanya.

Penglibatan aktif ahli akademik SBM dalam bengkel ini mencerminkan komitmen warga akademik untuk saling berkongsi pengalaman, memperkayakan pendekatan pengajaran serta menyokong usaha penambahbaikan kualiti akademik secara berterusan.

Penganjuran bengkel ini turut memperkukuhkan budaya kualiti dan kecemerlangan akademik di SBM, selaras dengan usaha UUM dalam memastikan penyampaian pendidikan tinggi yang berkualiti serta memenuhi keperluan pelajar.





Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.